

## Terma dan Syarat | Peraduan Dugro Ramadan (Peraduan MyTipsPuasa) 25 Februari 2024 – 5 April 2024

1. Peraduan Dugro Ramadan ("**Peraduan**") dianjurkan oleh Danone Specialized Nutrition (Malaysia) Sdn. Bhd. ("**Pihak Penganjur**"). Dengan menyertai Peraduan, anda ("**Peserta**")
  - a. mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menerima terma dan syarat Peraduan ini yang tertera di bawah ("**Terma dan Syarat**").
  - b. memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk memproseskan Data Peribadi anda menurut Terma dan Syarat ini dan notis privasi di pautan berikut: <https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html>
  - c. bersetuju bahawa keputusan Pihak Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadil dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat-menyurat dan rayuan tidak akan dilayan.
2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (pada tahun 2024) kecuali kakitangan Pihak Penganjur dan ahli keluarga terdekat termasuk syarikat-syarikat sekutunya, pembekal/ pengedar, agensi-agensi promosi, dan agensi-agensi pengiklanan/ perhubungan yang terlibat dalam Peraduan ini.
3. Peraduan ini berlangsung dari 25 Februari 2024 hingga 5 April 2024 ("**Tempoh Peraduan**"). Sebarang penyertaan yang diterima selepas 5 April 2024 tidak akan dilayan.

### Cara-Cara Penyertaan

4. Langkah-langkah penyertaan:-
  - a. Beli mana-mana produk Dugro sebarang saiz pek dan sebarang variasi dalam satu resit dari mana-mana cawangan di Malaysia yang turut serta ("**Bukti Pembelian**") dalam Tempoh Peraduan.
  - b. Rakamkan sekurang-kurangnya 10 saat video dengan produk Dugro.
  - c. Hantar melalui **WhatsApp ke +6012-649 3373**
    - i. Taipkan butiran dalam format yang berikut:-  
<Nama, No. KP, Nombor Resit>  
*Contoh: Remi Hassan, 920505105123, 101228*
    - ii. Sertakan gambar Bukti Pembelian yang lengkap dan jelas  
*\*Bukti Pembelian yang asal mesti disimpan dan dihantar ke Pihak Penganjur untuk tujuan pengesahan jika anda dipilih sebagai pemenang.*
    - iii. Sertakan video anda yang jelas.
  - d. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan Bukti Pembelian yang lengkap. Setiap Bukti Pembelian hanya layak untuk satu penyertaan sahaja. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan Bukti Pembelian yang salah, tidak lengkap dan tidak jelas. Mengikut Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (sebagaimana yang dipinda dan ditambah dari semasa ke semasa),
    - i. Anak anda mestilah berumur antara tiga puluh tujuh (37) bulan dan ke atas pada masa pengambilan bahan penyertaan.
    - ii. Selaras dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, mana-mana penyertaan peraduan dengan gambar/video kanak-kanak dari umur sifar hingga tiga puluh enam (0 - 36) bulan akan terbatal secara automatik.

- iii. Selaras dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, mana-mana penyertaan peraduan dengan gambar/video yang mengandungi unsur botol susu, puting susu atau penenang akan terbatal secara automatik.
5. Peserta setuju bahawa Pihak Penganjur berhak memindahkan butiran peribadi (termasuk, tanpa had, nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan, segala butiran yang terkandung dalam Bukti Pembelian dan video yang dihantar) kepada agensi terlantik bagi tujuan pengurusan dan menghubungi Peserta untuk tujuan Peraduan ini sahaja. Peserta mempunyai hak untuk mengakses, membetul atau menarik balik persetujuan untuk mendedahkan butiran peribadi daripada Pihak Penganjur. Permintaan boleh dibuat melalui emel ke [privacy.my@danone.com](mailto:privacy.my@danone.com). Rujuk <https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html> untuk Notis Penuh di Bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
6. Tertaklut kepada terma dan syarat. Sila layari <https://www.dugro.com.my/bm/terma-dan-syarat.html> untuk maklumat lanjut.
7. Hadiah Peraduan ("**Hadiah**"):-
- Hadiah Utama x 2 pemenang – Pakej Legoland Malaysia 3 Hari 2 Malam bernilai RM5,000
  - Hadiah Kedua x 5 pemenang – Habib 999.9 Jongkong Emas 5g
  - Hadiah Ketiga x 15 pemenang – Touch n' Go eWallet Kredit bernilai RM500

#### Pemilihan Pemenang

8. Semua penyertaan yang layak akan diberikan satu nombor siri.
9. Semua penyertaan yang layak akan tertaklut kepada proses pemilihan video yang paling kreatif untuk menyenaraikan 2 pemenang Hadiah Utama, 5 pemenang Hadiah Kedua dan 15 pemenang Hadiah Ketiga ("**Finalis**").
10. Finalis akan dihubungi melalui telefon dengan usaha terbaik, maksimum sebanyak tiga (3) percubaan. Sekiranya Finalis tidak dapat dihubungi, Pihak Penganjur berhak menggantikan Finalis tersebut dengan Finalis yang seterusnya. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekalipun jika Finalis tidak dapat dihubungi.
11. Finalis perlu menghantar salinan kad pengenalan dan Bukti Pembelian yang asal ke **Peraduan Dugro Beli, Ganjaran Dan Menang, No. 15, Block B, Lot 756, Jalan Subang 3, 47610 Subang Jaya, Selangor** dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh pemberitahuan melalui telefon untuk tujuan pengesahan.

#### Penebusan Hadiah

12. Hadiah Utama – Hadiah baucar akan dihantarkan ke alamat yang diberikan oleh pemenang. Pemenang adalah bertanggungjawab atas pemberian alamat yang betul dan sah.
13. Hadiah Kedua - Pemenang akan dihubungi melalui telefon untuk penebusan hadiah.
14. Hadiah Ketiga – Hadiah akan dihantarkan ke nombor diberikan oleh Pemenang melalui WhatsApp. Pemenang adalah bertanggungjawab atas pemberian nombor telefon yang betul dan sah.
15. Peserta boleh memenangi maksimum satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan ini.
16. Pemenang akan diumumkan melalui [www.dugro.com.my](http://www.dugro.com.my) dalam masa 4 - 6 minggu dari tarikh tutup Peraduan.

#### Lain-lain

17. Pihak Penganjur dan kesemua pihak yang terlibat dalam Peraduan ini termasuk pengarah, pegawai dan ejen adalah tidak bertanggungjawab terhadap yang berikut:- (a) Campur tangan oleh pihak yang tidak

berkenaan; (b) Kesilapan manusia dan kegagalan elektronik/teknikal atas apa jua sebab sekalipun dalam pentadbiran Peraduan ini; (c) Sebarang penyertaan yang salah dihantar atau tidak diterima atas apa jua sebab sekalipun; dan (d) Semua liabiliti (termasuk kematian) yang terlibat sama ada disebabkan penggunaan hadiah dan/atau penyertaannya dalam Peraduan ini secara langsung atau tidak langsung.

18. Pihak Penganjur berhak dalam budi bicaranya untuk menolak atau membatalkan sebarang penyertaan yang salah, tidak lengkap, sukar dibaca, rosak, lewat dan/atau tidak mempunyai Bukti Pembelian yang betul. Sebarang penyertaan yang mengandungi unsur-unsur dakwaan atau fitnah, melibatkan peniruan, melanggar (atau mungkin melanggar) sebarang hak cipta, tanda dagangan, atau apa-apa hak harta intelektual atau hak proprietari mana-mana entiti, bagi yang masih hidup mahupun yang sudah mati (termasuk hak-hak privasi, publisiti atau gambaran yang palsu) akan dilucuthakkan secara automatik.
19. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama atau hampir sama tanpa sebarang notis. Pihak Penganjur tidak akan memberi apa jua jaminan mengenai penjualan, kualiti hadiah atau kesesuaian penggunaan atas sebarang tujuan.
20. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang kehilangan, kecurian atau kemusnahan hadiah dalam proses penghantaran dan/atau penebusan hadiah dan tidak mempunyai kewajipan untuk menggantikan atau membayar balik nilai kehilangan, dicuri, kecacatan dan/atau kerosakan hadiah.
21. Pihak Penganjur tidak pada bila-bila masa atau dalam apa jua keadaan bertanggungjawab terhadap sebarang ketidakterimaan, ketidakprestasian dan/atau kualiti dengan mana-mana hadiah.
22. Hadiah-hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau mana-mana produk.
23. Pihak Penganjur berhak dalam budi bicaranya, untuk mengubah, menolak atau membatalkan sebarang penyertaan termasuk dan tidak terhad kepada, penyertaan yang mengandungi sebarang elemen yang berkaitan dengan bayi dan/atau produk terpilih yang melanggar Kod Etika Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan.
24. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa keingkaran atau kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, tindakan industri, wabak, kuarantin, kesekatan kerajaan atau tindakan kerajaan, kebakaran, banjir, ribut, kegagalan teknikal atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Pihak Penganjur.
25. Peserta adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi menanggung semua risiko, liabiliti, kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang disebabkan oleh penyertaan mereka dalam Peraduan ini dan daripada penggunaan hadiah.
26. Dengan menerima atau menggunakan mana-mana hadiah peraduan, peserta bersetuju untuk melepaskan tanggungan Pihak Penganjur, semua rakan niaganya dan pihak-pihak lain yang berkaitan dengan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen mereka daripada mana-mana tuntutan, pendakwaan, penghakiman, kerosakan, kerugian atau liabiliti yang ditanggung, berkaitan dengan penyertaannya dalam Peraduan ini, penerimaan dan/atau penebusan dan/atau penggunaan bagi mana-mana hadiah.
27. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Peserta bersetuju untuk menyetujui apa-apa hak yang berkenaan dengan kerugian atau kerosakan yang timbul dengan penggunaan hadiah atau penyertaan Peserta dalam Peraduan ini terhadap Pihak Penganjur dan/atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau agensi terlantik (termasuk pembekal atau mana-mana pihak ketiga).
28. Dengan menyertai Peraduan ini dan penerimaan hadiah, pemenang bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, butiran peribadi, dokumen, segala butiran yang terkandung dalam Bukti Pembelian dan video yang dihantar dan segala maklumat tanpa

sebarang bayaran royalti atau bayaran pampasan untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti yang lain, termasuk, tanpa had kepada sebarang rakaman berkaitan dengan Peraduan ini dari semasa ke semasa.

29. Semua Bukti Pembelian yang dikemukakan untuk Peraduan ini akan menjadi hak milik Pihak Penganjur.
30. **Pemprosesan Data Peribadi.** Dengan menyertai Peraduan, Peserta telah bersetuju untuk Pihak Penganjur berhak memindahkan butiran peribadi (termasuk dan tanpa had, nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan, segala butiran yang terkandung dalam Bukti Pembelian dan video yang dihantar) kepada agensi terlantik bagi tujuan pengurusan dan menghubungi Peserta untuk tujuan Peraduan ini sahaja. Peserta mempunyai hak untuk mengakses, membetul atau menarik balik persetujuan untuk mendedahkan butiran peribadi daripada Pihak Penganjur. Permintaan boleh dibuat melalui emel ke [privacy.my@danone.com](mailto:privacy.my@danone.com). Rujuk <https://www.dugro.com.my/bm/privacypolicy.html> untuk Notis Penuh di Bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
31. Pihak Penganjur berhak mengubah, membatalkan, menamatkan, menangguhkan atau menggantung Peraduan ini dengan memberi notis terlebih dahulu dilaman web (<https://www.dugro.com.my/bm/terma-dan-syarat.html>), dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian hadiah, membatalkan atau menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan Peserta berterusan di dalam Peraduan ini menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah). Peserta tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada Pihak Penganjur bagi sebarang kerugian yang dialami.
32. Untuk pertanyaan lanjut tentang Peraduan ini, sila hubungi Hotline 03-5635 1391, Isnin – Jumaat, 10 pagi - 5 petang kecuali cuti umum.

#### Notis Privasi

33. Dengan menyertai Peraduan ini, setiap Peserta bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan, pemindahan dan pemprosesan data peribadi oleh Danone Specialized Nutrition yang disediakan oleh Peserta, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada, nama Peserta, NRIC, alamat, gambar, alamat e-mel, butiran hubungan, segala butiran yang terkandung dalam Bukti Pembelian dan video dan sebarang maklumat yang mungkin mengenal pasti Peserta dan anak-anak Peserta (secara kolektif, "**Data Peribadi**") untuk tujuan yang berkaitan dengan Peraduan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini ("**Tujuan**").
34. Danone Specialized Nutrition ingin memaklumkan kepada Peserta, dan Peserta bersetuju bahawa Data Peribadi mungkin didedahkan kepada ahli gabungan Danone Specialized Nutrition yang mungkin berada di dalam dan/atau di luar Malaysia dan mana-mana pihak ketiga yang mungkin berada di dalam dan/atau di luar Malaysia yang mungkin dikehendaki oleh undang-undang atau untuk tujuan Peraduan ini seperti perkhidmatan dan pembekal dalam talian atas sebab yang berkaitan dengan Tujuan (seperti agensi terlantik bagi tujuan pengurusan dan pemprosesan Data Peribadi bagi Peraduan ini).
35. Peserta boleh meminta akses kepada atau pembetulan Data Peribadi atau mengehadkan pemprosesan Data Peribadi pada bila-bila masa selepas itu dengan mengemukakan permintaan tersebut secara bertulis kepada Pengurus Pemasaran - Danone Specialized Nutrition melalui e-mel: [mycareline@dugro.com.my](mailto:mycareline@dugro.com.my) atau secara alternatif kepada [privacy.my@danone.com](mailto:privacy.my@danone.com) atau melalui telefon: 1800 38 1038. Sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan Data Peribadi hendaklah disalurkan kepada Danone Specialized Nutrition dengan cara yang sama.
36. Sila ambil perhatian bahawa ia adalah wajib untuk Danone Specialized Nutrition memproses Data Peribadi untuk Tujuan, tanpanya Danone Specialized Nutrition mungkin tidak dapat menerima dan/atau memproses penyertaan Peraduan Peserta.